



SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK
JABATAN PELAJARAN PERAK
MAJLIS GURU BESAR NEGERI PERAK
DAN YAYASAN PERAK



UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2011 (PERCUBAAN)

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Julai

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak memukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.


Soalan 1 – 19*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 “Rombongan _____ akan sampai pada keesokan harinya,” kata Farid dan Aidil kepada Gunalan.
- A kita
B kami
C saya
D aku
- 2 Kamu boleh pulang _____ kerja kamu sudah selesai.
- A walaupun
B sementara
C asalkan
D hingga
- 3 Pak Uda sedang _____ gasing yang ditempah oleh pelancong itu.
- A melorek
B melarik
C mengubah
D menggaris
- 4 Layang-layang itu tersangkut _____ tiang telefon.
- A di
B ke
C pada
D kepada
- 5 Amin dan Aleesya bermain di taman pada _____ petang.
- A seluruh
B tiap-tiap
C sebahagian
D beberapa

6 Guru Besar _____ murid-murid agar belajar dengan bersungguh-sungguh.

- A penasihat
- B dinasihati
- C menasihati
- D dinasihatkan

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7 Papan yang akan dipotong itu diletakkan di atas _____ terlebih dahulu.

- A tetupai
- B kekisi
- C sesiku
- D kekuda

8 Tahap kebersihan di gerai-gerai sedang _____ diperkatakan.

- A hangat
- B panas
- C hebat
- D giat

9 Safuan _____ menyiapkan kerja rumahnya _____ dia mempunyai banyak masa lapang.

- A belum ... padahal
- B masih ... malahan
- C sedang ... sambil
- D akan ... lagi

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.



- 10 Puan Salina sedang _____ rambut anaknya supaya tidak kusut.
- A mengelus
 - B mengurut
 - C memilih
 - D menyisir
- 11 Hasil tuaian padi di sawah Pak Munawir pada musim ini _____ kerana kemarau panjang.
- A pengurangan
 - B dikurangkan
 - C berkurang
 - D kurangan
- 12 Setelah duduk bersimpuh selama sejam, kakinya _____.
- A kaku
 - B kebas
 - C kasar
 - D lumpuh
- 13 _____ itu sentiasa diselimuti kabut terutamanya pada waktu pagi dan senja.
- A Kaki bukit
 - B Cerun bukit
 - C Lereng bukit
 - D Puncak bukit


14 Pendapatan yang diperoleh Encik Haikal hanya cukup untuk menampung perbelanjaan keluarganya. _____, dia tetap menabung demi masa depan anak-anaknya.

- A Walau bagaimanapun
- B Oleh yang demikian
- C Dengan demikian
- D Seterusnya

15 Sultan Hisyamudin akan _____ ke Amerika bagi menjalani rawatan penyakit jantung yang dihidapi _____.

- A beradu ... patik
- B bersiram ... beta
- C berangkat ... baginda
- D berputera ... permaisuri

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



16 Di belakang _____ reban ayam terdapat _____ pokok buluh.

- A sederet ... seruas
- B sekaki ... sebatang
- C sebijji ... serumpun
- D sebuah ... serumpun

17 “_____ perhatian semua. Pertandingan bercerita akan dimulakan sebentar lagi.”

- A Tolong
- B Harap
- C Minta
- D Sila

18 Jambatan yang dibina pada zaman penjajah itu _____ teguh sekali.

- A nian
- B betul
- C benar
- D sangat

19 Semua penduduk kampung _____ untuk meneruskan rancangan itu.

- A ambil hati
- B besar hati
- C kecil hati
- D bulat hati

20 Kita mesti menghindari perbuatan yang membahayakan diri sendiri

Pilih perkataan seerti bagi menghindari.

- A menjauhi
- B melawan
- C menyukai
- D menghalang

Soalan 21 berdasarkan gambar di bawah.



21 Perkataan berlawan bagi perbuatan kanak-kanak itu ialah

- A membuang
- B melempar
- C mengutip
- D melontar

22 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Adakah kamu yang mencuci dinding surau itu?

- A Saya dan kawan-kawan yang mencuci surau itu.
- B Bukan saya, Farid dan Ali yang mencuci dinding surau itu.
- C Dinding surau itu dicuci oleh mereka pada awal pagi tadi.
- D Farid dan Ali yang menyuruh saya mencuci dinding surau itu.

23 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Kutipan derma itu adalah untuk disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir.

- A Apakah tujuan kutipan derma itu dibuat?
- B Siapakah yang akan menerima kutipan derma itu?
- C Adakah kutipan derma itu akan disumbangkan kepada mangsa-mangsa banjir?
- D Bagaimanakah kutipan derma itu akan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir?

Soalan 24 – 25

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

24 “Selepas selesai kerja ini, bolehlah kita minum kopi di warung Pak Man,” ajak Saiful kepada kawan-kawannya.

- A Saiful dan kawan-kawannya minum kopi di warung Pak Man setelah menyiapkan kerja itu.
- B Setelah kerja itu selesai, Saiful mengajak kawan-kawan Pak Man minum kopi di warungnya.
- C Saiful mengajak kawan-kawannya minum kopi di warung Pak Man setelah menyiapkan kerja itu.
- D Setelah menyiapkan kerja itu, Pak Man mengajak Saiful dan kawan-kawannya minum kopi di warungnya.

25 "Murid-murid yang ingin menyertai lawatan ke Melaka dikehendaki menghantar borang penyertaan dengan segera kepada guru kelas," kata Cikgu Anis.

- A Cikgu Anis berharap supaya murid-murid segera menyerahkan borang lawatan ke Melaka kepada guru kelas.
- B Cikgu Anis menyuruh murid-murid yang ingin menyertai lawatan ke Melaka menghantar borang penyertaan dengan segera kepadanya.
- C Cikgu Anis mengingatkan murid-murid yang ingin menyertai lawatan ke Melaka menghantar borang penyertaan kepada guru kelas.
- D Cikgu Anis mengingatkan murid-murid yang ingin menyertai lawatan ke Melaka menghantar borang penyertaan dengan segera kepada guru kelas.

Soalan 26 - 27

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 26 I Sukar untuk dia melupakan kejadian yang ngeri itu.
 II Saya tidak dapat menjawab soalan kuiz yang sukar itu.
 III Nenek mengalami masalah sukar tidur pada waktu malam.
 IV Dia sukar akan gambar-gambar pemandangan yang indah itu.

- A I dan II
- B II dan III
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

- 27 I Dia membaham pencuri itu dengan sebatang kayu.
 II Seekor harimau telah membaham seorang penoreh getah.
 III Ombak yang mengganas itu telah membaham perahu-perahu nelayan.
 IV Penjual ubat itu menunjukkan kekuatannya dengan membaham kaca.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Soalan 28 - 30*Pilih ayat yang betul.*

- 28 A Semua murid-murid diingatkan supaya belajar bersungguh-sungguh.
B Di hujung minggu, kami selalu bergotong-royong mengemas rumah.
C Perjalanan ke dusun datuk mengambil masa satu setengah jam.
D Banglo yang terletak di atas bukit itu tinggi nilainya.
- 29 I Azman merupakan murid yang terpandai sekali dalam kelasnya.
II Kakak sedang makan keledek goreng di dapur.
III Razak berlari sepanas kilat bila dikejar anjing liar.
IV Wanita bertahi lalat itu ialah ibu Zakiah.
A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 30 I Dia tersangat baik sekali sehingga semua orang suka padanya.
II Indah nian pemandangan di tepi pantai pada waktu senja.
III Syafiq tergopoh-gapah ke sekolah sehingga terlupa memakai stoking.
IV Beberapa helai kad manila digunakan untuk menyiapkan projek itu.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Soalan 31 - 35

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

WAWASAN 2020

Aku melangkah sayu meninggalkan desa kelahiranku
 Demi menyahut seruan Wawasan 2020
 Biar onak berduri
 Aku ingin menjadi anak watan berjasa
 Memajukan negara tercinta

Aku terpegun seketika
 Bangunan mencakar langit
 Kilang-kilang tumbuh bagai cendawan selepas hujan
 Anak-anak muda tidak lagi berkeliaran
 Malah cergas ceria

Terdengar laungan pemimpin negara
 Pandanglah ke timur
 Contohi mereka
 Biar negara maju, namun budaya tetap dijunjung
 Kerana kita anak Malaysia
 Menuju ke arah Wawasan 2020

Teringat pesan bonda
 Usah dilupakan mereka yang tua
 Tanamkan kasih, siramkan sayang
 Yang bahagia, gembira dan ketawa
 Agar tidak dianggap anak yang derhaka.

- 31 Tujuan penyajak meninggalkan desa kelahirannya adalah
- untuk menghibur dan menenangkan hatinya yang gundah.
 - untuk bekerja di kilang-kilang dan di bangunan tinggi.
 - untuk melihat bangunan pencakar langit.
 - untuk menyahut seruan Wawasan 2020.
- 32 Mengapa anak-anak muda tidak lagi berkeliaran?
- Lebih banyak peluang pekerjaan di kilang-kilang
 - Kekurangan pusat membeli belah di bandar
 - Mereka asyik menonton televisyen di rumah
 - Mereka sedang mengulang kaji pelajaran

- 33 Maksud *bangunan mencakar langit* ialah
- A bangunan yang amat tinggi.
 - B bangunan lima tingkat.
 - C bangunan di atas bukit.
 - D bangunan menghampiri langit.
- 34 Negara timur dijadikan contoh oleh pemimpin negara kita kerana negara itu
- A indah dan menarik pemandangannya.
 - B maju dan mengekalkan peradabannya.
 - C telah lama mencapai Wawasan 2020
 - D memiliki banyak bangunan mencakar langit
- 35 Wawasan 2020 akan dapat dicapai dengan cara-cara berikut, kecuali
- A berusaha dengan gigih untuk memajukan negara.
 - B mencontohi negara-negara yang telah maju.
 - C membina lebih banyak bangunan tinggi.
 - D sentiasa mengekalkan perpaduan.

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada 24 Ogos 1511, Kota Melaka menjadi huru-hara. Kota yang maju dan makmur telah jatuh ke tangan Portugis. Harta penduduk dirampas manakala kaum lelaki dibunuh atau ditangkap. Sultan Melaka telah berundur. Panglima Awang yang berbadan sasa dan tinggi ilmu persilatannya telah mengetuai satu pasukan pejuang bagi menentang Portugis.

Pasukan beliau telah menyerang pasukan *Benggali Putih* di pos kawalan di sebelah timur. Mereka telah berjaya membunuh beberapa orang askar Benggali Putih. Walaupun gerakan Panglima Awang licik sekali, namun beliau telah berjaya ditawan oleh askar penjajah lalu dibawa ke Portugis untuk dijual. Beliau digelar “Enrique” atau “Henry The Black”.

Semasa pelayarannya melalui India dan Afrika, beliau telah diperlakukan seperti hamba tetapi beliau amat tabah menerima nasib sedemikian. Tiba di Portugis, Panglima Awang dibeli oleh Kapten Ferdinand Magellan dari Alonso. Beliau dibebaskan lalu menjadi pembantu Magellan. Beliau mengikut Magellan belayar ke Maghribi . Seterusnya pada tahun 1513 Panglima Awang mengikut Magellan berpindah ke Sepanyol.

Raja Sepanyol telah menitahkan Magellan mencari dunia baru. Oleh itu, pada tahun 1519, setelah segala persiapan selesai mereka memulakan pelayaran dengan diiringi oleh lima buah kapal dengan 280 orang kelasi. Beberapa bulan kemudian, armada mereka tiba di Pulau Cebu , Filipina. Mereka bersahabat dengan Raja Hamabun, pemerintah pulau itu.

Dalam satu perperangan dengan pemberontak di Pulau Mactan, Magellan telah terbunuh, manakala Panglima Awang cedera parah. Setelah itu Raja Hamabun mengizinkan Panglima Awang pulang ke Melaka dengan menumpang kapal dagang Siam. Semasa berada di Kuala Sungai Brunei, Brunei , beliau telah bertemu dengan Panglima Hitam yang telah membawa Panglima Awang pulang ke Melaka setelah 10 tahun di perantauan. Selepas itu beliau meneruskan perjalanan ke Sepanyol bagi membuktikan bumi ini bulat kepada Raja Sepanyol.

Dipetik dan diubahsuai dari buku teks Tahun 6

36 Apakah yang berlaku pada 24 Ogos 1511?

- A Banyak rakyat Melaka telah dibunuh
- B Sultan mengetuai pasukan pejuang
- C Panglima Awang telah ditangkap
- D Melaka diserang oleh Portugis

37 *Benggali Putih* dalam petikan bermaksud

- A orang Siam.
- B orang Filipina.
- C orang Portugis.
- D orang Sepanyol.

38 Semasa bersama-sama Ferdinand Magellan, Panglima Awang pernah tinggal di negara berikut kecuali

- A Afrika.
- B Brunei.
- C Portugis.
- D Sepanyol.

39 Mengapakah Panglima Awang dibawa ke Portugis?

- A Untuk dijual sebagai hamba
- B Untuk digelar “Henry The Black”
- C Untuk belayar mengelilingi dunia
- D Untuk menjadi pembantu Ferdinand Magellan

40 Pilih pernyataan yang **benar** tentang Ferdinand Magellan

- A Beliau merupakan kapten kapal yang menyerang Melaka.
- B Beliau telah dibeli oleh Panglima Awang daripada Alfonso.
- C Beliau mati semasa bertempur dengan pemberontak di Pulau Mactan.
- D Beliau merupakan kapten kapal Portugis yang belayar mencari dunia baru.

KERTAS SOALAN TAMAT

<http://gudangsoalan.blogspot.com>

Halaman Kosong

<http://gudangsoalan.blogspot.com>

Halaman Kosong

<http://gudangsoalan.blogspot.com> Percubaan UPSR (SK) BM Kertas 1

Halaman Kosong

SULIT

JSU 011/1 : PERC UPSR 2011

**JSU : PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR BAHASA MELAYU 011
JABATAN PELAJARAN PERAK 2011**

BIL	MAKLUMAT SOALAN (JADUAL SPESIFIKASI ITEM)	SIMULASI (GRAFIK)	JAWAPAN BERPASANGAN	ARAS SOALAN			TABURAN JAWAPAN			
				MUDAH	SEDERHANA	KOMPLEKS	A	B	C	D
31	Soalan / Item 31			/						/
32	Soalan / Item 32				/		/			
33	Soalan / Item 33				/		/			
34	Soalan / Item 34					/		/		
35	Soalan / Item 35				/				/	
36	Soalan / Item 36			/						/
37	Soalan / Item 37				/					/
38	Soalan / Item 38				/			/		
39	Soalan / Item 39				/		/			
40	Soalan / Item 40					/				/
JUMLAH SOALAN PETIKAN							2	3	3	2
JUMLAH SOALAN TATABAHASA										
JUMLAH SOALAN PEMAHAMAN										
PERATUS SOALAN PEMAHAMAN (%)				30%	50%	20%	8	9	13	10

Nota:

1. Soalan yang mengandungi simulasi (grafik) adalah antara empat (4) soalan hingga lapan (8) soalan.
2. Taburan Jawapan (A, B, C, D) minimum, tujuh (7) soalan dan maksimum tiga belas (13) soalan.
3. Aras soalan yang telah ditetapkan:

Mudah	30% (12 soalan)
Sederhana	50% (20 soalan)
Kompleks	20% (08 soalan)

SULIT

JSU BM011: PERC UPSR

**JSU : PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR BAHASA MELAYU 011 – JABATAN
PELAJARAN PERAK 2011**

BIL	MAKLUMAT SOALAN (JADUAL SPESIFIKASI ITEM)	SIMULASI (GRAFIK)	JAWAPAN BERPASANGAN	ARAS SOALAN			TABURAN JAWAPAN			
				MUDAH	SEDERHANA	KOMPLEKS	A	B	C	D
SOALAN TATABAHASA										
01	Kata Ganti Nama Diri		/				/			
02	Kata Hubung		/					/		
03	Kata Kerja			/			/			
04	Kata Sendi Nama		/						/	
05	Kata Bilangan		/				/			
06	Kata Berimbuhan			/					/	
07	Kata Ganda (Penggunaan)	/	/							/
08	Kata Adjektif			/			/			
09	Kata Bantu		/	/			/			
10	Kata Kerja	/		/						/
11	Kata Berimbuhan			/						/
12	Kata Adjektif		/						/	
13	Kata Majmuk			/						/
14	Penanda Wacana			/			/			
15	Bahasa Istana	/			/					/
16	Penjodoh Bilangan	/	/							/
17	Kata Perintah			/						/
18	Kata Penguat	/								/
19	Simpulan Bahasa			/						/
20	Sinonim / Sama Erti			/			/			
21	Antonim / Lawan Kata				/					/
22	Menentukan Jawapan			/					/	
23	Membina Soalan		/				/			
24	Ayat Sama Maksud			/						/
25	Ayat Sama Maksud				/					/
26	Kata Banyak Makna			/						/
27	Kata Banyak Makna			/					/	
28	Struktur Ayat / Gramatis				/					/
29	Struktur Ayat / Gramatis				/					/
30	Struktur Ayat / Gramatis				/					/
JUMLAH SOALAN TATABAHASA							5	7	10	8
PERATUS SOALAN TATABAHASA (%)										

SULITNO. KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

<input type="text"/>											
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

ANGKA GILIRAN

<input type="text"/>						
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------



**SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK
JABATAN PELAJARAN PERAK
MAJLIS GURU BESAR NEGERI PERAK
DAN YAYASAN PERAK**



**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2011
(PERCUBAAN)**

BAHASA MELAYU – PENULISAN

012**Julai****1 ¼ jam****Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak-petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
3. Kamu hendaklah menjawab ketiga-tiga bahagian.
4. Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2 atau Soalan 3.
5. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A	<input type="text"/>	
B	<input type="text"/>	
C	<input type="text"/>	
JUMLAH		60

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.


Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan : 15 minit]

Gambar di bawah menunjukkan suasana temasya sukan di sebuah sekolah.


Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar tersebut.



Bahagian A

012 ©2011 Hak Cipta SPA JPN Perak dan MGB Perak

[Lihat halaman sebelah
SULIT



Bahagian B**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 40 minit]**

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.

- 1 Loceng sekolah berbunyi. Semua murid keluar dari kelas masing-masing untuk pulang ke rumah. Aku berjalan ke perhentian bas yang terletak di hadapan sekolah. Tiba-tiba ...

Mulakan cerita kamu dengan:

Tiba-tiba ...

ATAU

- 2 Sekolah yang bersih dan ceria menjamin keselesaan untuk murid-murid belajar.

Tulis sebuah karangan tentang cara-cara menjadikan sekolah kamu bersih dan ceria.

ATAU

- 3 Sekolah kamu akan mengadakan majlis perpisahan bagi murid-murid tahun enam. Selaku ketua murid, kamu diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Tulis ucapan kamu selengkapnya.

Bahagian B


Nombor Soalan

Nombor Soalan

SULIT

<http://gudangsoalan.blogspot.com>

012



30

Bahagian C**[20 markah]****[Masa dicadangkan : 20 minit]**

Tulis lima nilai yang dapat kamu peroleh daripada petikan di bawah.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Salmi : Sejak akhir-akhir ini, kita dapat melihat banyak kemudahan sukan telah disediakan oleh kerajaan.

Aina : Yalah. Kita digalakkan bersukan kerana aktiviti ini akan menyihatkan badan dan dapat menghindari penyakit.

Salmi : Benar kata awak, Aina. Kita sepatutnya memanfaatkan segala kemudahan dengan sebaik-baiknya supaya kemudahan yang disediakan itu tidak akan dibazirkan begitu sahaja.

Aina : Selain itu, menyertai kegiatan sukan dapat mengisi masa lapang agar kita tidak melakukan sebarang aktiviti yang tidak berfaedah.

Salmi : Sekiranya kita menyertai satu-satu pertandingan sukan pula, kita mesti bersemangat tinggi ketika bertanding supaya kita berjaya.

Aina : *Di samping itu, murid yang melibatkan diri secara aktif dalam bidang sukan dan dilatih dengan secukupnya, amat berpotensi untuk menjadi seorang jaguh sukan pada masa hadapan.*

Salmi : Aina, pernahkah kamu terbaca berita mengenai kemudahan-kemudahan sukan yang telah dirosakkan?

Aina : Ya, memang pernah. Tidak patut sungguh perbuatan mereka yang melakukannya. Kita sepatutnya menjaga segala kemudahan sukan yang telah disediakan oleh kerajaan.

20

KERTAS SOALAN TAMAT

Halaman Kosong

Halaman Kosong

SKEMA JAWAPAN BM 012 - UJIAN PERCUBAAN UPSR 2011

BAHAGIAN A

1. menyampai/menerima hadiah/mengalungkan pingat
2. menatang dulang hadiah
3. berlari/berlumba /bersaing
4. mengambil masa/memegang jam/melihat catatan masa
5. memegang tali/riben
6. bersorak/bertepuk tangan
7. menaikkan bendera

BAHAGIAN B

1. Pendahuluan – kejadian yang berlaku/dikenal pasti
Idea-idea utama : Sebarang idea yang sesuai boleh diterima
Penutup - pulang/perasaan/pengajaran daripada kejadian.
2. Pendahuluan – Pernyataan umum tentang keceriaan/kebersihan sekolah.
Idea-idea :
 - gotong-royong membersihkan sekolah
 - menanam pokok bunga
 - mengecat pasu/dinding/kelas
 - melukis mural
 - menghias bilik darjah
 - pertandingan keceriaan kelasPenutup - Kesan/impak sekolah yang bersih dan ceria.
3. Format : Ucapan
Pendahuluan – terima kasih kerana diberi peluang berucap
Idea-idea :
 - Tujuan berucap/tujuan majlis
 - menghargai jasa guru
 - mengucapkan terima kasih
 - memohon maaf
 - berjanji
 - harapanPenutup - mengucapkan terima kasih

CATATAN : Idea-idea lain yang berkaitan dengan tugas boleh diterima.

BAHAGIAN C

1. Menjaga kesihatan – bersukan dapat menyihatkan badan/menghindari penyakit.
2. Menghargai pemberian – memanfaatkan segala kemudahan
3. Menghargai masa – mengisi masa lapang
4. Berdisiplin - tidak melakukan sebarang aktiviti yang tidak berfaedah.
5. Keyakinan/yakin diri - bersemangat tinggi ketika bertanding
6. Bertanggungjawab/bersyukur – menjaga segala kemudahan yang telah disediakan
7. Gigih / semangat kesukaran – bersemangat tinggi dalam pertandingan.